



Tatabahasa

Balai Raya Muhibah

Sebagai setiausaha persatuan penduduk, bapa Izzah telah menulis sepucuk surat untuk memohon sumbangan kewangan.

Persatuan Penduduk Taman Idaman Jaya,
234, Jalan Mengkuang,
31200 Ipoh,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Pengarah Urusan,
Syarikat Limau Kesturi,
Jalan Merah Saga,
31200 Ipoh,
PERAK DARUL RIDZUAN.

15 MEI 2011

Tuan,

Memohon Sumbangan Kewangan Pembinaan Balai Raya Muhibah

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Persatuan Penduduk Taman Idaman Jaya berhasrat untuk membina sebuah balai raya. Kemudahan ini akan dibina di tanah wakaf, hak milik seorang penduduk tempatan. Beliau yang berjiwa besar berharap agar pembinaannya dapat memperkukuh semangat perpaduan.

3. Pihak persatuan memerlukan balai raya ini untuk menjalankan pelbagai aktiviti perpaduan yang melibatkan pelbagai kaum. Antaranya termasuklah mesyuarat, rumah terbuka hari perayaan, dan urus niaga persatuan.

4. Kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan bermurah hati untuk menghulurkan sumbangan. Jika terdapat sebarang pertanyaan, tuan boleh berhubung dengan pihak urus setia pembinaan balai raya, Encik Ismail bin Zakaria, melalui talian 012-3456789. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan sangat kami hargai dan kami dahulukan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

Faqih

(FAIZAL BIN OSMAN)

Setiausaha,

Persatuan Penduduk Taman Idaman Jaya.



Munsyi Cilik

Kata majmuk terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

- (i) kata majmuk rangkai kata bebas
Contoh: alat tulis, biru laut, jam tangan
- (ii) kata majmuk istilah khusus
Contoh: darah panas, segi tiga, urut setia
- (iii) kata majmuk kiasan
Contoh: kaki ayam, buah tangan, manis mulut



Aktiviti

Senaraikan pelbagai kata majmuk yang terdapat dalam surat.
